## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 26 SEPTEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MAFS MINISTER WILLING TO VISIT INDIA TO DISCUSS RICE EXPORTS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | MAFS TO HOLD TALKS WITH INDIAN COUNTERPART OVER WHITE RICE EXPORT TO MALAYSIA, NEWS, GUANG MING DAILY -A6 | |
| 3. | M'SIA TO HOLD TALKS WITH INDIA TO STABILISE RICE SUPPLY, NATION, CHINA PRESS -A3 | |
| 4. | M'SIA TO SEEK CONTINUATION OF RICE EXPORTS BY INDIA THROUGH G2G APPROACH, NATION, SIN CHEW DAILY -4 | |
| 5. | MALAYSIA MAHU RUNDING BELI BERAS PUTIH INDIA, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 6. | MINTA INDIA EKSPORT SEMULA BERAS PUTIH, NASIONAL, SH -8 | |
| 7. | ISU BERAS TIDAK SELESAI JIKA INDIA MASIH SEKAT EKSPORT, DALAM NEGERI, UM -9 | |
| 8. | 2 KUNCI TINGKAT BEKALAN BERAS, MINDA, HM -14 | |
| 9. | MALAYSIA JUMPA MENTERI INDIA UNTUK RUNDING, LOKAL, HM -10 | |
| 10. | PERINCI SOP LESEN BORONG RESTORAN BELI BERAS IMPORT, NASIONAL, BH -7 | |
| 11. | GROUP: REFRAIN FROM PANIC BUYING LOCAL RICE, NATION, THE STAR -6 | |
| 12. | M'SIA SEEKS MEETING WITH INDIA OVER WHITE RICE EXPORT RESTRICTIONS, NATION, THE STAR -6 | |
| 13. | 1,000 TAK LEPAS PELUANG BELI BERAS BPT BERHARGA RM26, LOKAL, HM -10 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 14. | 1,000 SERBU JUALAN BERAS FAMA, NASIONAL, BH -7 | |
| 15. | JAGUNG MANIS JANA HASIL LUMAYAN, NASIONAL, BH -19 | |
| 16. | AGIH SELURUH NEGARA ELAK LAMBAKAN DUKU, LOKAL, HM -11 | |
| 17. | MORE THAN RM5mil SET ASIDE FOR YOUNG FARMERS, NEWS, THE STAR -5 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 18. | MELAKA MINTA BANTUAN JKR, LOKAL, HM -11 | LAIN-LAIN |
| 19. | SUMBER IKAN KITA BANYAK, TAPI MASIH PERLU IMPORT BEKALAN DARI LUAR, FORUM, UM -19 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | MAFS Minister willing to visit India to discuss rice exports | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 26 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 397 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,994 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,982 |



## 农长盼速解除限制纾短缺

# 愿赴印度商白米出口

**（新山25日讯）大马希望尽速与印度政府会谈，要求印度解除白米出口限制，继续出口白米给我国。**

农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，该部希望尽快与印度农业及农民福利部展开政府对政府（G2G）的会议，以寻求解决白米出口限制课题的最佳方案。

"G2G会议的重要议程，是向印度政府申请解除白米出口限制，我们希望该国能继续出口白米到大马。"

他昨日出席埔来国会议席和新邦二南州议席补选工作人员慰劳宴后，针对他将与印度农业部会面一事，如此表示。

### 米价上涨引市场担忧

他说，印度政府突然限制白米出口，导致大马米价上涨，引发市场担忧。

该国长米（basmathi）暂无限制进出口，但这种长米价格很贵。

"我们目前正联系，确定会议地点和日期，以展开G2G会议。如果可以安排在本周，我们可以过去。

"我们希望能立即获得印度政府参与会议的回应。"

印度于今年7月宣布停止出口非长米的其他白米，以克服该国白米收成因豪雨影响，而导致涨价的问题。

慰劳宴出席者包括旅游、艺术及文化部长拿督斯里张庆信、诚信党柔佛州主席阿米诺胡达及埔来国会议员苏海占。



张庆信（左起）获莫哈末沙布等人的热情迎迓。

### 本地米一个月内面市

莫哈末沙布指进口白米价格大涨，导致国内消费者纷纷转向购买本地白米，造成一些地方出现小幅度的白米短缺。

他强调，虽然目前白米供应问题已成为全球问题，但我国白米供应仍然充足。

"无论如何，政府正解决白米短缺问题。

他也说，目前姆达农业发展局的稻田区正在收割期。

"我不记得将生产多少稻米，但不到一个月就会推出市面。

"除了印度，我们也可以从巴基斯坦、越南或泰国获取得白米供应。不过，因全球性白米短缺问题，这些国家的白米也已涨价。"

他重申，我国虽有受影响，但没有其他国家那么严重。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS to hold talks with Indian counterpart over white rice export to Malaysia | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 26 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A6 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 181 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,742 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,227 |



## 農長：G2G方式商談

# 冀印度恢復出口白米

（新山25日讯）印度禁止“非香米类白米”出口导致进口白米涨价，农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布将会寻求以“政府对政府”（G2G）的方式，与印度农业部长会面，确保我国的白米供应充足。

莫哈末沙布说，该部门目前正与印度政府联系，希望近日内能通过上述方式协商，要求该国继续出口白米至大马。



■莫哈末沙布（左）指出，该部门目前正与印度政府联系，希望近日能通过“政府对政府”的方式，要求该国继续出口白米至大马。

他于昨晚出席埔来国席及新邦二南州席补选慰劳宴后，提及进口白米涨价一事披露，若是印度突然禁止出口白米，将导致我国的进口白米价格上涨。

他说，尽管目前依然能够进口印度长米至我国，但相较之下印度长米的价格较昂贵。

莫哈末沙布指出，吉打州慕达农业发展局（MADA）已承诺会在不到一个月的时间内，为市场供应特定数量的白米，以缓解部分地区因出现民众大量抢购导致白米短缺的问题。

他提到，该部也尽可能为缺少白米的地区增添货源。

“除了印度，我国尚可向巴基斯坦、越南及泰国进口白米，但这些国家也正面对白米涨价的问题，而且白米涨价已成为全球性的课题。”

他透露，尽管我国也是受影响国家之一，但白米短缺的情况没有较其他国家严重。（TSI）

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | M`sia to hold talks with India to stabilise rice supply | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 26 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 151 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,979 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,937 |



莫沙布

# 將與印度磋商 穩定白米供應

（新山25日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布透露，政府将与印度以“政府对政府”（G2G）的磋商方式，让印度出产的白米进口至我国，以稳定国内白米短缺情况。

但他说，由于是通过“政府对政府”的方式磋商，因此须敲定磋商日期后，才会前往印度，目前正与印方进行联系。

“进行磋商时，我们会要求印度继续向我国出口白米，这是我们的希望。”

莫哈末沙布昨晚出席“希盟—国阵双补选”庆功宴后，接受媒体访问时，如是指出。

## 國内白米存貨足夠

他说，至于何时能完成磋商，则根据双方敲定的日期；若一切可以，他也希望本周就能敲定日期，并前往印度。

他坦言，若印度限制白米出口，将导致我国白米价格高涨，对方目前都是出口印度香米（也称巴斯马蒂香米），但价格非常昂贵。

莫哈末沙布坦言，尽管国内白米的存货尚足够，但由于进口白米的价格高昂，导致民众从而转向购买本地白米，造成一些地方出现短缺。



■莫哈末沙布：我国将与印度磋商白米进口事项。

“目前我们正在解决慕达农业发展机构（MADA）的稻米收获，我不记得在一个月内，会向市场投放多少包白米，但我们目前正努力补货。”

询及是否有其他目标的国家，莫哈末沙布透露，当中有巴基斯坦、越南及泰国，但如今各国都面对白米价格高涨。

“更糟糕的是，如今（白米短缺）已成为全球性的问题，尽管我们也受到影响，但相比其他国家，国内的情况没那么严重。”

据报道，世界最大米粮出口国印度限制所有白米品种出口，令白米价格持续上升，引发从亚洲到西非各国政府的惊慌。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | M`sia to seek continuation of rice exports by India through G2G approach | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 26 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 288 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,675 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,025 |





莫哈末沙布（左）指出，该部门目前正与印度政府联系，希望近日能通过“政府对政府”的方式，要求该国继续出口白米至大马。（萧靖恩摄）

## 末沙布：將尋求“政府對政府”

# 要求印度續出口白米

（新山25日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，印度禁止“非香米类白米”出口导致进口白米涨价，他将会寻求以“政府对政府”（G2G）的方式，与印度农业部长会面，确保我国的白米供应充足。

他说，该部门目前正与印度政府联系，希望近日内能通过上述方式协商，要求该国继续出口白米至大马。

他表示，若是印度突然禁止出口白米，将导致我国的进口白米价格上涨。

他说，尽管目前依然能够进口印度长米至我国，但相较之下印度长米的价格较昂贵。

莫哈末沙布于昨晚出席埔来国席及新邦二南州席补选慰劳宴，并在会上致词时提及进口白米涨价一事，他于较后在新闻发布会上受询时进一步说明此事。

他指出，吉打州慕达农业发展局（MADA）已承诺会在不到一个月的时间内，为市场供应特定数量的白米，以缓解部分地区因出现民众大量抢购导致白米短缺的问题。

他说，该部也尽可能为缺少白米的地区增添货源。

### 马白米短缺不比他国严重

他表示，除了印度，我国尚可向巴基斯坦、越南及泰国进口白米，但这些国家也正面对白米涨价的问题，而且白米涨价已成为全球性的课题。

“尽管我国也是受影响国家之一，但白米短缺的情况没有较其他国家严重。”

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/9/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Sekatan eksport sebabkan harga beras melonjak

# Malaysia mahu runding beli beras putih India

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM



PEKERJA kedai borong menyusun kampit beras import di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur baru-baru ini. – GAMBAR HIASAN

**JOHOR BAHRU** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berharap dapat mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pertanian dan Kebajikan Petani India secepat mungkin bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pertemuan secara kerajaan dengan kerajaan (G2G) itu antara lain bagi mengemukakan permohonan kepada kerajaan India untuk meneruskan pengeksportan beras putih mereka ke negara ini.

Bagaimanapun, katanya, KPKM masih belum mendapat maklum balas daripada Kementerian India itu berhubung penetapan tarikh perjumpaan yang perlu diadakan secepat mungkin.

"Apabila mereka menyekat aktiviti eksport beras putih secara mengejut, itu membawa kesan kenaikan harga beras di Malaysia ini. Beras Basmathi masih boleh diimport dengan banyak tetapi harganya adalah lebih mahal.

"Sebab itu, kita nak berbincang secara G2G bagi atasi isu kekurangan bekalan beras tempatan yang melanda negara ketika ini.

"Kita masih lagi menunggu tarikh yang diberikan, jika mereka bersetuju untuk mengadakan pertemuan, minggu ini pun kita boleh pergi," katanya selepas Majlis Penghargaan Petugas Pilihan Raya Kecil Parlimen Pulai dan Dewan Undangan Negeri Simpang Jeram di sini kelmarin.

Mohamad berkata, sekatan terhadap pengeksportan beras putih di India menyebabkan harga beras eksport di negara ini meningkat secara mendadak.

"Kenaikan harga itu menjadi punca kebanyakan pengguna beralih membeli beras putih tempatan (BPT) yang jauh lebih murah, ini menyebabkan permintaan terhadap BPT meningkat dan berlakunya sedikit kekurangan di beberapa tempat dalam negara.

"Bekalan beras kita masih mencukupi, cumanya kalau harga yang diimport itu tinggi menyebabkan orang mencari beras tempatan terlalu banyak.

"Ketika ini juga, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedang menuai padi dan 20 peratus daripada hasil itu akan dikilangkan untuk menampung keperluan bekalan semasa," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Minta India eksport semula beras putih



Mohamad (duduk tengah) ketika Majlis Penghargaan Petugas PRK Pulai dan Simpang Jeram pada Ahad.

Malaysia akan adakan pertemuan dengan pemerintah India secepat mungkin

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengadakan pertemuan dengan pemerintah India secepat mungkin bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport beras putih.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, permohonan agar pengeksportan beras itu dari India diteruskan ke negara ini antara yang akan dibincangkan sewaktu bertemu Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani India kelak.

"KPKM kini sedang berhubung dengan kerajaan India untuk mendapatkan tarikh agar pertemuan dan perbincangan tentang import beras dapat dilakukan secepat mungkin.

"Apabila India menyekat import beras putih secara mengejut, ia membawa kesan kenaikan harga beras di dalam negara. Beras basmati yang tidak dikenakan larangan dan boleh diimport pula harganya sangat mahal," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Penghargaan Petugas Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulai dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram di Johor Bahru pada Ahad malam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, sekatan terhadap pengeksportan beras putih di India menyebabkan harga beras import di negara ini meningkat dengan mendadak.

"Stok bekalan beras negara masih mencukupi, cuma apabila harga beras import meningkat terlalu tinggi ia menyebabkan orang ramai memilih untuk membeli beras tempatan.

"Situasi ini menyebabkan berlaku peningkatan permintaan secara mendadak terhadap beras tempatan dan akibatnya berlaku sedikit kekurangan di beberapa tempat.

"Bagaimanapun, ketika ini juga, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedang menuai padi dan 20 peratus daripada hasil itu akan dikilangkan dan kemudian dapat menampung keperluan bekalan semasa," ujar beliau.

Sementara itu, Mohamad berkata, terdapat beberapa negara pengeksport beras antaranya Pakistan, Vietnam dan Thailand turut terjejas.

"Isu kekurangan bekalan beras ini merupakan krisis global yang turut menjejaskan banyak negara namun Malaysia dapat tangani isu ini dengan lebih baik berbanding negara lain," jelasnya.

Pada Julai lepas, India dilaporkan melarang eksport beras putih bukan basmati disebabkan hujan lebat yang telah menjejaskan tanaman itu.

Larangan itu juga mahu memastikan bekalan untuk kegunaan di negara itu tidak terjejas.

India ketika ini menyumbang kira-kira 40 peratus eksport beras global dengan mengeksport ke lebih 150 negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Isu beras tidak selesai jika India masih sekat eksport

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**ARAU:** Masalah beras mahal melibatkan isu global dijangka stabil apabila India kembali membuka sekatan eksport makanan ruji berkenaan.

Jika sekatan tersebut kembali dibuka, situasi bekalan beras kurang dan soal ketidaktentuan kenaikan harga makanan tidak akan timbul.

Mengikut rekod pada 2022, Malaysia terpaksa mengimport sebanyak 1.11 juta tan metrik beras membabitkan negara Vietnam, 37.2 peratus, Pakistan (36.99 peratus), Thailand (12.9 peratus) dan India 8.6 peratus atau sebanyak 95,263 tan metrik.

Kebergantungan import beras negara ketika ini adalah sebanyak 35 peratus dengan bekalan beras bagi menampung keperluan rakyat negara ini adalah sebanyak 2.4 juta tan metrik setahun dengan anggaran seorang penduduk menggunakan sebanyak 79 kilogram makanan ruji berkenaan dalam tempoh itu.

Mengikut data 2021, negara ini hanya menghasilkan 1.7 juta tan metrik beras setahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizi Marzukhi berkata, isu beras mahal adalah melibatkan global dan bertukarlah kerajaan mana sekali pun, tidak boleh menyelesaikan isu ini.

Katanya, hal demikian disebabkan titik punca dan solusinya sebenarnya adalah di India dengan apabila negara itu kembali membuka sekatan eksport, situasi mungkin reda.

"Sekarang, yang biasa makan nasi beras import sudah beralih cari beras tempatan. Dahulu, warga asing seperti India dan Bangladesh makan beras Basmathi, tapi sekarang, mereka juga sibuk cari beras tempatan.

"Isu beras mahal sekarang ini adalah isu global, sebab titik punca dan solusinya ada di India. India buka eksport, mungkin reda semula," katanya.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berharap dapat mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pertanian dan Kebajikan Petani India secepat mungkin bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport beras.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | HARIAN METRO | MINDA | 14 |

MENINGKATKAN KETERJAMINAN MAKANAN

# 2 kunci tingkat bekalan beras



Bersama
**Prof Madya Dr Muhamad Shakirin Mispan**

**Malaysia perlu bertindak segera untuk mencapai 100 peratus kadar mampu diri dalam bekalan beras. Untuk mencapai matlamat ini, dua strategi utama perlu diambil**

Isu bekalan beras negara kembali menjadi perhatian utama dalam landskap krisis makanan global, dan Malaysia tidak terkecuali. Sejak krisis beras yang melanda dunia pada 2008, kebergantungan tinggi kepada import beras menjadi satu masalah yang semakin serius.

Dengan lebih daripada 30 peratus keperluan beras Malaysia diimport, negara kini terdedah kepada risiko kebergantungan luar yang berpotensi membawa kepada krisis makanan dalam jangka masa terdekat.

Penting untuk negara ini bertindak segera dan berusaha untuk mencapai 100 peratus kadar mampu diri (SSL) dalam bekalan beras. Untuk mencapai matlamat ini, dua strategi utama ini perlu diambil.

Pengurusan tanah padi negara perlu ditingkatkan secara menyeluruh. Kini, hampir 10 peratus kawasan tanah padi tidak diusahakan sepenuhnya, terutama semasa penanaman luar musim dan di kawasan bukan jelapang. Langkah perlu diambil untuk memastikan semua tanah padi dapat dimanfaatkan dengan baik sepanjang tahun. Ini akan meningkatkan hasil padi secara keseluruhannya.

Kejayaan petani Sekinchan sejak sekian lama dalam penghasilan padi yang tinggi perlu dijadikan model bagi industri padi negara. Usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam mengaplikasi teknologi dan pengurusan penanaman padi Sekinchan ke seluruh negara perlu disokong serta disambut khususnya petani.

Konsolidasi petani kecil dengan bantuan yang tersasar juga mampu mengelakkan mereka mengamalkan 3-T (tanam, tinggal, tuai) pada sawah mereka. Konsolidasi ini dapat menyeragamkan pengurusan penanaman, memurnikan kos input dan pemantauan yang lebih menyeluruh kepada kawasan padi petani kecil ini yang kebanyakannya dimiliki oleh petani berumur.

Peningkatan produktiviti petani adalah kunci untuk mencapai kadar mampu diri yang lebih tinggi. Untuk mencapai sasaran 100 peratus SSL, kerajaan perlu menyasarkan penghasilan padi kepada purata lapan tan per hektar. Program latihan, kesedaran dan pemantauan yang lebih menyeluruh perlu diberikan kepada petani.



NEGARA perlu mengambil langkah proaktif dan menyeluruh bagi meningkatkan keterjaminan makanan serta mengurangkan risiko krisis beras pada masa depan.

Di antara strategi lain adalah dengan cara mempelbagaikan teknik atau cara penanaman padi. Petani boleh diberi autonomi untuk mengamalkan teknik penanaman yang dirasakan sesuai berdasarkan kajian saintifik semasa. Penanaman secara agroekologi seperti Sistem Rice Intensification (SRI), penanaman padi secara organik, kawalan alternatif tanpa racun, dan penggunaan varieti padi yang pelbagai adalah di antara strategi boleh diperkenalkan kepada petani. Ini termasuk memperkenalkan padi istimewa berpremium. Varieti yang pelbagai ini akan membantu adaptasi ketahanan tanaman, meningkatkan hasil dan sekali gus meningkatkan kualiti padi serta beras. Ini penting di kala dunia sedang menghadapi krisis perubahan iklim yang membimbangkan. Kepelbagaian cara penanaman ini dapat membantu petani secara kolektif untuk melakukan intervensi segera jika sebarang bencana berlaku kelak. Penghasilan beras premium juga dapat membantu meningkatkan pendapatan petani.

Selain itu, kerajaan dan pemain industri perlu lebih berani di dalam program penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan padi serta beras. Ini termasuk usaha untuk mempelbagaikan lagi varieti padi berbanding sedia ada bagi memastikan penanaman padi dapat disesuaikan dengan *microclimate* kawasan penanaman padi seluruh negara. Inovasi kepada input padi perlu dipertingkatkan agar kos penanaman dapat dikurangkan. Inovasi ini sekali gus dapat meningkatkan produksi input seperti baja dan racun di dalam negara akan mengurangkan kebergantungan pada import. Pemain tempatan perlu didorong untuk mengambil peranan dalam penghasilan input itu. Kerajaan perlu serius dalam menangani isu kebergantungan import kita terhadap beras. Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada import beras, Malaysia perlu mengambil langkah proaktif dan menyeluruh. Dengan pelaksanaan strategi ini, negara ini dapat meningkatkan keterjaminan makanan, mengurangkan risiko krisis beras pada masa depan dan mencapai matlamat kebergantungan beras yang lebih rendah. Ini adalah usaha yang penting untuk memastikan makanan yang mencukupi bagi rakyat Malaysia.

**Penulis Profesor Madya di Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM)**

SIDANG PENGARANG

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

BERAS PUTIH IMPORT

# Malaysia jumpa menteri India untuk runding

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Mafs) akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani India bagi menyatakan hasrat untuk memastikan negara itu terus mengeksport beras putih kepada Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya ingin mengadakan perbincangan secara kerajaan dengan kerajaan (G2G) itu sebagai langkah memastikan bekalan beras putih terus mencukupi buat rakyat negara ini.

Katanya, ia berikutan kebimbangan apabila kerajaan di India itu menyekat pengeksportan beras putih secara mengejut yang bakal membawa kesan kenaikan harga beras di Malaysia.

"Kita sekarang sedang berhubung bagi mendapatkan tarikh sesuai untuk pergi ke sana supaya kita boleh berbincang secara G2G.

"Jika mereka menyekat beras putih secara mengejut, ia membawa kesan kenaikan harga beras di Malaysia ini. Beras basmahi ada, boleh import banyak, tetapi beras basmati ini mahal.

"Dengan G2G ini, dapatlah kita minta mereka meneruskan untuk eksport beras putih ke Malaysia, itu harapan kita," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penghargaan Petugas Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulai dan Dewan Undangan Negeri (Dun) Simpang Jeram di sini, malam kelmarin.

Mohamad Sabu berkata, pihaknya berharap mendapat maklum balas segera bagi membolehkan pertemuan dengan Kerajaan India itu dilakukan sebelum hujung tahun ini.

Pada masa sama, beliau berkata, isu bekalan beras putih kini menjadi masalah dunia, namun walaupun Malaysia terkesan dengan isu itu, bekalan beras di negara ini masih mencukupi.

"Bekalan beras putih kita masih mencukupi, cuma kalau harga beras yang diimport itu tinggi, menyebabkan orang mencari beras tempatan secara mendadak dan berlakunya sedikit kekurangan di beberapa tempat. Tetapi, kita atasi masalah itu, sekarang ini kita lakukan tuaian di Mada (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda), saya tidak ingat berapa jumlah kampit beras yang akan dikeluarkan, tetapi dalam masa tidak sampai sebulan ini, ia akan berada di pasaran dan sekarang pun kita ada cuba untuk *top-up* mana-mana yang berlaku kekurangan. Selain India, kita boleh dapatkan bekalan beras putih ini dari Pakistan, Vietnam atau Thailand, tetapi semua pun mengalami kenaikan harga dan lebih parah sekarang ini isu kekurangan beras menjadi masalah dunia dan kita ini terjejas, tetapi tidak seteruk berbanding negara lain," katanya.



ORANG ramai datang seawal 6 pagi untuk membeli beras putih import berjenama SITI dengan hanya RM1 pada Program Misi Jual Beras RM1 di Padang Kampung Dato' Seri Kamaruddin Manjung, Lumut, kelmarin. Program anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Founder Misi Rakyat menyediakan sebanyak 1,000 kampit beras lima kilogram itu habis terjual dengan hanya mengambil masa kira-kira setengah jam sahaja.

# 1,000 tak lepas peluang beli beras BPT berharga RM26

**Kuantan:** Seramai 1,000 individu tidak melepaskan peluang mendapatkan beras putih tempatan (BPT) di Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di sini, semalam.

Jualan bermula jam 10 pagi itu berjalan lancar apabila mereka datang secara berperingkat dan hanya dibenarkan membeli satu kampit beras 10 kilogram berharga RM26.

Peniaga kedai makan Aifa Ibrahim, 64, berkata, dia membeli beras itu untuk kegunaan keluarga dan bukan bagi perniagaan yang diusahakan.

"Keputusan kerajaan melantik Fama untuk menjual BPT melancarkan lagi proses belian oleh pengguna.

"Dengan harga pelbagai barangan makanan yang meningkat, rakyat akan terus terbeban sekiranya harga beras tempatan turut meningkat," katanya.

> "Fama Pahang terus berusaha menyediakan bekalan BPT
> Saiful Sadri

Sementara itu, Pengarah Fama Pahang Saiful Sadri berkata, pihaknya menerima dua kali bekalan BPT untuk diedarkan ke seluruh negeri ini.

Menurutnya, kali pertama minggu lalu sebanyak 1,500 kampit dan minggu ini 3,000 kampit yang diagihkan kepada empat pusat operasi Fama di Jerantut, Cameron Highlands, Lanchang dan Simpang Pelangai, Bentong.

"Saya berharap masyarakat tidak terlalu panik apabila muncul berita kekurangan dan kenaikan harga beras dan kerajaan sentiasa berusaha mengatasi masalah yang dihadapi rakyat secara bijak.

"Fama Pahang akan terus berusaha menyediakan bekalan BPT secara berterusan setiap minggu di semua daerah.

"Kita membenarkan pengguna membeli sekampit beras sahaja setiap kali jualan," katanya.



ANTARA pengguna yang tidak melepaskan peluang membeli beras putih tempatan (BPT) yang dijual di Pusat Operasi Fama Kuantan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Perinci SOP lesen borong restoran beli beras import

## PRESMA sedia patuh prosedur demi kelangsungan perniagaan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan diminta memperincikan segera prosedur operasi standard (SOP) berhubung lesen borong yang boleh diberikan kepada pengusaha restoran susulan kesukaran mendapatkan beras putih tempatan (BPT), menyebabkan kebanyakan mereka terpaksa bergantung hampir sepenuhnya kepada beras putih import (BPI).

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Datuk Jawahar Ali Taib Khan, berkata ini kali pertama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperkenalkan inisiatif itu kepada pengusaha restoran dan pihaknya sedia memohon lesen ditawarkan itu demi kelangsungan perniagaan.

"Kami harap KPKM memperincikan prosedur permohonan dan pelarasan akan dibuat kerana ini kali pertama kerajaan memperkenalkan inisiatif sebegini.

"Kami juga sedia memohon lesen (kerana beras harga barang kawalan), tetapi tetap hairan ketiadaan bekalan beras tempatan, yang tiba-tiba hilang daripada pasaran sedangkan BPI yang terjejas kesan duti eksport dinaikkan Kerajaan India," katanya kepada *BH*, semalam.



*Jawahar Ali Taib Khan*

Kelmarin, KPKM memutuskan akan memberi lesen borong kepada pengusaha restoran bagi membolehkan mereka membeli BPI pada harga borong RM3.20 sekilogram daripada Padiberas Nasional Bhd (BERNAS), sebagai usaha mengatasi masalah kekurangan BPT susulan pengguna kurang membeli BPI yang harganya meningkat.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Adeysham Nor berkata, persatuan pengusaha restoran perlu mengemukakan permohonan kepada KPKM untuk mendapatkan lesen borong terbabit.

Beliau berkata, sebelum ini, harga BPI jenis standard adalah sekitar RM2.80 hingga RM3.20 sekilogram (kg), iaitu tidak banyak berbeza dengan harga BPT.

Jawahar menafikan ada kalangan ahli PRESMA menaikkan harga nasi susulan hampir semua restoran terpaksa memasak menggunakan beras import.

"Kami masih bertahan (tidak naikkan harga), tetapi adakah ini penyelesaian jangka panjang, KPKM perlu mengambil tindakan proaktif memastikan agensi seliaannya membekalkan beras tempatan.

"Kerajaan juga perlu selesaikan isu gula kerana pengusaha terpaksa akur syarat dengan membeli gula premium dulu, kemudian baru boleh beli gula gred tempatan," katanya.

Jawahar berkata, secara peribadi, beliau tidak akan menaikkan harga, sebaliknya meneruskan menu Rahmah di 21 restoran miliknya walaupun tidak mendapat subsidi atau peruntukan.

### Tanggung kenaikan kos

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengusaha Kantin Sekolah Malaysia (PPKSM), Siti Normah Md Desa, berkata pihaknya menanggung peningkatan kos sehingga 30 hingga 40 peratus akibat perubahan harga beras.

Katanya, kenaikan harga juga menyebabkan lebih 10,000 pengusaha kantin di seluruh negara tertekan dengan kos bahan mentah yang tinggi tetapi terpaksa menjual makanan pada harga sama seperti termaktub dalam perjanjian ditandatangani sebelum kenaikan harga beras.

"Bukan hanya beras naik harga, tetapi kentang, bawang dan telur juga naik. Jadi sukar pengusaha kantin terus memberikan perkhidmatan terbaik jika perkara ini gagal dikawal dan ditangani," katanya.

Sehubungan itu, PPKSM mencadangkan kerajaan memberikan kuota khas kepada pengusaha kantin sekolah membeli BPT bagi meringankan beban mereka.

# 1,000 serbu jualan beras FAMA

**Kuantan:** Hampir 1,000 pengguna daerah ini menyerbu jualan beras putih tempatan (BPT) di Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kuantan yang diadakan bermula jam 10 pagi semalam.

Bagaimanapun, setiap pengguna hanya dibenar membeli satu kampit beras 10 kilogram sahaja berharga RM26.

Pesara swasta, Rosli Surip, 49 yang menetap di Taman Seri Inderapura berkata, jualan itu membantunya mendapatkan beras mampu milik berbanding terpaksa membeli beras import yang lebih mahal, selepas tiada beras tempatan dijual.

Beliau berkata, harga beras import yang naik sehingga dua kali ganda sejak awal bulan ini berbanding beras tempatan yang masih kekal dapat menjimatkan perbelanjaan dapur.

Katanya, selepas bekalan beras tempatan terputus di pasaran, dia terpaksa membeli beras import untuk keluarga walaupun harganya lebih tinggi.

"Apabila FAMA mengadakan jualan beras putih tempatan pada harga RM26 untuk 10 kilogram hari ini (semalam), saya tidak melepaskan peluang membelinya bersama tiga rakan lain.



*Pengguna membeli beras putih tempatan yang dijual di Pusat Operasi FAMA Kuantan, semalam.*
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

### Rakyat terbeban harga beras

Peniaga kedai makan, Aifa Ibrahim, 64, berkata dia membeli beras untuk kegunaan keluarga dan bukan untuk perniagaan.

"Keputusan kerajaan melantik FAMA menjual beras putih tempatan dapat melancarkan lagi proses belian oleh pengguna.

"Dengan harga barangan makanan yang meningkat, rakyat terus terbeban jika harga beras tempatan turut naik," katanya.

Sementara itu, Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri berkata, pihaknya menerima dua kali bekalan BPT untuk diedarkan ke seluruh negeri ini.

Katanya, 1,500 kampit dijual minggu lalu dan kali ini 3,000 kampit lagi diagihkan kepada empat pusat operasi FAMA di Jerantut, Cameron Highlands, Lanchang dan Simpang Pelangai, Bentong.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | THE STAR | NATION | 6 |

# Group: Refrain from panic buying local rice

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** A consumer group has urged the public to stop speculating on the availability of local rice and to avoid panic buying.

Sabah West Coast Wise Consumers Association president David Chan said speculations could cause panic buying that could trigger severe shortages.

"Such speculations only lead to consumers rushing to buy rice to stock up at home.

"This will cause the demand for rice to be even higher.

"Rice is important for everyone but we all must ensure that we do not panic buy," he added.

Chan was commenting on the shortage of local rice in supermarkets and grocery stores in the state.

Chan also called on the authorities to step up monitoring the issue of rice shortages under the Food Security Act, especially during the current drop in padi yield due to global warming and climate change.



**Cause for concern:** Chan says speculations could cause panic buying that could trigger severe shortages.

"We urge the government to invest in local rice cultivation to increase local rice production in Malaysia," he said.

Although the increase in the price of rice only involved imported white rice, he said that the average consumer was feeling the burden of the increased cost.

"Whatever the increase in the price of goods, it still affects the increase in the price of other goods.

"Rice is our main food, and the price increase between RM1 and RM4 is burdensome for the people.

"Of course, with the increase in the price of rice, the family's cost of living also increases," he added.

He said the association welcomed the government's short-term initiative of allocating RM150mil for the Beras Rahmah sales.

"It would help in easing the people's financial burden," he said, adding that the focus should remain on solving local rice shortages.

In early September, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) adjusted the price of imported white rice nationwide from RM2,350 a tonne to RM3,200 a tonne in line with current global market prices.

This caused the price of imported white rice to increase from RM33 to RM39 compared with local white rice sold at a controlled price of about RM2.60 per kg to RM26 per 10kg bag.

# M'sia seeks meeting with India over white rice export restrictions

**JOHOR BARU:** The Agriculture and Food Security Ministry hopes to hold a meeting with India's Agriculture and Farmers' Welfare Minister soon to find the best solution for the issue of white rice export restrictions.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the issue was among the priorities of the government-to-government meeting, Bernama reported.

"Currently at the ministry level, we are in contact to get a (suitable) date so that we can travel there.

"We will ask them to continue exporting white rice to Malaysia. That is our hope because if they suddenly restrict white rice export, it will lead to an increase in the price of rice in Malaysia," he said after the Pulai parliamentary and Simpang Jeram state seats by-election workers' appreciation ceremony here on Sunday.

In the meantime, Mohamad said the restrictions had caused the price of imported rice in this country to increase dramatically, causing consumers to switch to local rice which is much cheaper.

"Our rice supply is still sufficient; it's just that if the imported rice price is fairly high, it causes people to look for local rice and this has caused a slight shortage in some places.

"However, we are addressing it now with the harvest in the area of the Muda Agricultural Development Authority, which will be in the market in less than a month, and even now, we are trying to 'top up' any shortages," he added.

In July, India reportedly banned the export of non-basmati white rice to curb the rise in rice prices in the domestic market following a supply shortage due to heavy rains which affected the crop.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19 |


# Jagung manis jana hasil lumayan

## Muizzudin buktikan bidang pertanian jamin pendapatan konsisten

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

**Kuala Kangsar:** Keputusan seorang pemuda yang nekad mengusahakan kebun sayuran pelbagai jenis di atas tanah seluas 11.3 hektar di sini, yang sebahagian besarnya adalah ditanam dengan jagung manis mengubah nasib dirinya dan keluarga.

Muhammad Muizzudin Din, 32, berkata selain tanaman jagung manis seluas dua hektar, dia turut mengusahakan tanaman lain seperti timun, kacang panjang, cili, kucai, sawi, jangung, terung bulat, terung mini, dan peria secara kaedah fertigasi di kebunnya di Kampung Talang Dusun serta di Kampung Sayong, di sini.

Bagi memastikan pertanian diusahakan berkembang pesat, beliau mengambil inisiatif menubuhkan Koperasi Gabungan Usahawan Tani Kuala Kangsar (Kogahad) pada 2016 dan berperanan sebagai pengerusi.

Muizzudin berkata, semuanya bermula 13 tahun lalu apabila dia memulakan penanaman sayuran secara konvensional dan kecilan di atas tanah pajak, sekembalinya ke kampung halaman selepas meninggalkan kerjaya sebagai jurujual di ibu kota atas faktor kesesakan hidup dan kekeluargaan.

"Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya menamatkan pengajian peringkat sijil dalam bidang Teknologi Elektrik di sebuah kolej komuniti. Kemudian, saya bekerja sebagai jurujual di Kuala Lumpur sebelum mengambil keputusan pulang ke kampung.

"Saya pulang ke kampung dengan 'misi' untuk keluarga. Saya kemudian memulakan penanaman sayur secara kecil-kecilan sebelum mengembangkan lagi keluasan kawasan tanaman dengan memajak tanah dari pihak lain.

"Bukan hanya untuk memastikan keterjaminan makanan, saya juga berazam membuktikan bahawa bidang pertanian dapat menjamin pendapatan konsisten dan lumayan," katanya kepada *BH*.

### Jamin sekuriti makanan

Agenda keterjaminan atau sekuriti makanan adalah salah satu 'flagship' di bawah pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia.

Selain bergiat aktif mengembangkan Kogahad, Muizzudin berkata, pembabitannya selaku rakan niaga pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang menyediakan fasiliti pusat pengumpulan hasil tanaman, telah berjaya menguasai 70 peratus daripada pasaran tempatan di darerah Kuala Kangsar.

Kesungguhan ditunjukkan itu membolehkan Muizzudin dilantik sebagai Ikon Kerjaya Pertanian Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK).

Ia pada masa yang sama membolehkan pusat pengumpulan tanaman diusahakannya meraih nilai pengeluaran kasar antara RM40,000 hingga RM60,000 sebulan.

Katanya, pinjaman tanpa faedah RM60,000 dan bimbingan diterima daripada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) empat tahun lalu, turut membantunya menaik taraf peralatan pertanian di kebunnya yang sebelum ini dibangunkan secara konvesional.

Muizzudin berkata, menerusi koperasi diterajui, beliau kini giat mengembangkan keluasan tanaman jagung manis daripada dua hektar menjadi 3.64 hektar selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Ia berikutan, potensi tanaman itu mampu menaikkan industri peringkat hiliran.

"Cadangan untuk memperluaskan lagi tanaman jagung kerana ia tanaman jangka panjang dan juga makanan ruji di sesetengah negara seperti juga beras.

"Jagung juga boleh diproses menjadi produk hiliran malah koperasi kami melakukan pemprosesan sendiri bagi kernel jagung, selain batang jagung itu pula kita proses untuk dijadikan makanan ternakan ruminan seperti lembu dan kambing," katanya.




*Muhammad Muizzudin (tiga dari kanan) menunjukkan hasil tanaman jagung yang diusahakannya.*
(Foto ihsan Muhammad Muizzudin)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 11 |

SAWAH DITENGGELAMI BANJIR DI KAMPUNG PAYA LUBOH, SEBERANG GAJAH

# Melaka minta bantuan JKR

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

**Melaka**

Kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkepentingan bagi menangani isu kerosakan tanaman padi akibat sawah ditenggelami banjir di Kampung Paya Luboh dan Seberang Gajah, Tanjung Kling, dekat sini.

Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, langkah itu bagi mencari penyelesaian terbaik untuk jangka panjang demi memastikan nasib kira-kira 50 petani di dua kampung itu terbela.

"Saya akan minta pihak JKR menyediakan satu kertas kerja untuk memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi membuat dua sistem pembentungan yang lebih besar.

"Ia juga bagi meninggikan aras jalan di kawasan ini untuk melancarkan aliran air terutama ketika hujan lebat.

"Cadangan ini perlu disegerakan kerana saya melihat keadaan cuaca tidak menentu sekarang dan padi akan rosak jika terendam terlalu lama," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Semalam Harian Metro melaporkan keluhan kira-kira 50 pesawah di Kampung Paya Luboh dan Seberang Gajah, Tanjung Kling, dekat sini yang terpaksa menanggung kerugian puluhan ribuan ringgit apabila sawah diusahakan hampir 100 hektar ditenggelami banjir setiap kali hujan lebat.

Difahamkan, tahun ini sahaja sudah tiga kali sawah mereka ditenggelami air bah dan paling teruk pertengahan bulan lalu berikutan padi sudah mula mengeluarkan hasil dan menunggu masa untuk dituai.

Dalam perkembangan sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Kundor, Tuminah Kadi @ Mohd Hashim berkata, beliau sedia maklum isu utama dihadapi pesawah di Kampung Paya Luboh dan Seberang Gajah adalah berkaitan sistem perparitan dan pembentungan.

"Ada dua saluran pembentung yang perlu dinaik taraf segera iaitu satu di Kampung Paya Luboh dan Seberang Gajah iaitu sempadan antara Pantai Kundor dan Klebang.

"Jika ini dapat dibuat segera kita dapat menangani masalah banjir membabitkan lebih kurang 500 ekar sawah di Dun Pantai Kundor.

"Kita juga sudah berhubung dengan JKR dan Jabatan Pengairan dan Saliran supaya kawasan kerap berlaku banjir ini diutamakan apatah lagi ini betul-betul membabitkan petani dan peladang yang menyumbang sebahagian makanan untuk Melaka," katanya yang berharap pihak berkaitan mengambil serius masalah itu.




LAPORAN Harian Metro, semalam.




## Agih seluruh negara elak lambakan duku

**Kuala Terengganu:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) mengagihkan duku Terengganu ke seluruh negara bagi mengelakkan lambakan bekalan di negeri ini.

Pengarah Fama Terengganu Nukman Hashim berkata, pihaknya mula membuat pembelian duku dengan usahawan dan pekebun di negeri ini, 17 September lalu.

Beliau berkata, pihaknya sudah membeli sebanyak 44 tan metrik membabitkan nilai keseluruhan RM73,732.

"Kita jangkakan sebanyak 1,200 tan metrik duku Terengganu dibeli dengan usahawan dan pekebun untuk seluruh negeri ini.

"Usaha yang Fama lakukan ini untuk membantu pekebun selain mengurangkan lambakan buah duku di pasaran," katanya ketika dihubungi, semalam.

Nukman berkata, pihaknya mendapati kawasan paling banyak buah duku adalah di Hulu Terengganu dan Kuala Terengganu.

Menurutnya, pihaknya mengagihkan buah berkenaan ke 35 Pusat Operasi Fama di seluruh negara untuk pasaran setiap negeri.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | THE STAR | NEWS | 5 |


JOHOR

# More than RM5mil set aside for young farmers

## Funds go towards programmes to help them stay competitive

By **MOHD FARHAAN SHAH**
farhaan@thestar.com.my

JOHOR has allocated more than RM5mil this year to help 1,185 young farmers by supporting their agricultural and animal husbandry activities through 12 programmes.

State agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip (*pic*) said government departments and agencies also played an active role in advising these young farmers as well as implementing technical and hands-on training.

He said the state government allocated RM5.2mil through the state Agriculture Department, Fisheries Department, Department of Veterinary Services and Farmer's Organisation Authority (LPP).

"The move is meant to cultivate interest in farming and improve their knowledge of agricultural activities.

"We wish to encourage young farmers or entrepreneurs to remain competitive so various incentives have been provided to help boost the development of the agricultural industry in Johor," he said during the Johor state assembly sitting at



Bangunan Sultan Ismail in Iskandar Puteri.

Zahari was responding to questions by Mohd Yusla Ismail (BN-Senggarang) and Marina Ibrahim (PH-Skudai) about government assistance, incentives, programmes and training provided to encourage youths to venture into the agricultural sector commercially.

He said so far this year, 188 courses have been implemented in various fields involving 4,317 young farmers.

He added that the government was also actively devising and implementing various initiatives across ministries and agencies to



A chilli farming scheme in Sungai Tiram, Johor Baru.

encourage people, especially youths, to venture into the dirty, dangerous and difficult (3D) sector.

"Among the initiatives implemented is enabling a transition to smart agricultural technology by creating an ecosystem that encourages capacity building, research and development as well as the use of the Internet of Things (IoT) that can create demand for highly skilled workers.

"At the same time, dependency on low-skilled foreign workers will also be gradually reduced," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | FORUM | 19 |

# Sumber ikan kita banyak, tapi masih perlu import bekalan dari luar

**SAUDARA PENGARANG,**

**NEGARA-NEGARA** maju telah lama mengamalkan dasar sekuriti makanan untuk memastikan rakyat mereka memperoleh makanan pada harga berpatutan sama ada semasa aman atau konflik.

Negara kita sedang berusaha ke arah itu walaupun tidak sepantas diharapkan.

Mengikut laporan agensi berkaitan nisbah sara diri (SSR) bagi produk-produk makanan, didapati ayam 99.9 peratus, ikan (9.7%), buah-buahan (77.4%) dan susu (46.7%).

Bagi cili, kubis, halia, manga dan kelapa kurang daripada 100 peratus.

Bagaimanapun, pencapaian SSR bagi ayam yang tinggi (99.9%) memberi makna yang sedikit sebab negara masih mengimport jagung.

Industri makanan ternakan tidak boleh dipandang ringan kerana ia menyokong industri ternakan ayam, lembu dan susu. Penggantungan makanan ternakan pada import menjadikan industri makanan ternakan tidak menentu dan kerajaan akan terus menanggung beban untuk menyediakan subsidi harga ayam dan telur. Oleh itu, penanaman jagung berskala besar tidak boleh dielakkan lagi.

Pengeluaran beras telah lama bertahan pada kadar 65 peratus SSR. Masalah penanaman pada masa kini adalah produktiviti yang terlalu rendah disebabkan infrastruktur perairan tidak mencukupi. Akibatnya, sawah tidak dapat cukup air pada waktu tertentu untuk mengawal rumpai. Pelaburan yang meningkatkan infrastruktur pengairan walaupun tinggi hinga memerlukan berbilion ringgit perlu dimulakan sedikit demi sedikit untuk menyelesaikan masalah penanaman pada masa kini.

Kadar SSR bagi ikan sebanyak 9.7 peratus adalah situasi yang amat menyedihkan memandangkan kita sebagai sebuah negara maritim yang mempunyai pantai panjang dan kawasan pengajiran luas tidak patut mengimport ikan sebegitu banyak untuk memenuhi keperluan sendiri,

Kerapkali terdapat nelayan dari negara-negara jiran mencerobohi masuk ke kawasan perairan negara menandakan terdapat banyak sumber ikan di situ dan nelayan tempatan masih lagi terikat dengan amalan lama menangkap ikan. Mereka perlu dimodenkan.

Perusahaan ikan patut mendapat keutamaan kerana ikan merupakan penyumbang sumber protein penting dan juga digemari oleh seluruh rakyat selain tidak boleh bergantung dengan import kerana ia akan menghakis sumber kewangan negara dan poket rakyat selain tidak selari dengan dasar sekuriti makanan.

**MOHAMED YUSOFF YAHYA**
Batu Gajah, Perak



**KADAR nisbah sara diri (SSR) bagi ikan sebanyak 9.7 peratus adalah situasi yang amat menyedihkan memandangkan Malaysia sebagai sebuah negara maritim tidak patut mengimport ikan sebegitu banyak bagi memenuhi keperluan negara. – UTUSAN/PUQTRA HAIRRY**